

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PERTANDINGAN JAHITAN MALAYSIA 1989 PERINGKAT AKHIR
Lokasi : WELD SUPERMARKET, JALAN RAJA CHULAN, KUALA LUMPUR
Tarikh : 09-07-1989

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana di atas rahmat serta limpah kurnianya dapat saya hadir bersama- sama dengan puan-puan di Pertandingan Jahitan Malaysia 1989 peringkat akhir pada hari ini.

2. Jahit-menjahit adalah satu ilmu pengetahuan dan kemahiran yang seharusnya diketahui atau diambil tahu oleh setiap orang, terutamanya wanita. Bidang ini juga adalah satu bidang yang luas, meliputi antaranya aneka seni seperti seni potong-memotong pakaian, seni tekstil, seni jahit- menjahit sama ada jahit tangan atau jahit mesin, seni reka fesyen, seni memadamkan warna, seni pelbagai rekaan dan gubahan, seni hias-menghias rumah dan bangunan, seni aneka sulaman sama ada sulaman tangan atau sulaman mesin dan sebagainya.

Puan-puan dan tuan-tuan,

3. Di negara-negara Eropah, Timur Tengah dan Timur Jauh, pelajaran jahit-menjahit terutamanya bahagian sulam-menyulam menjadi suatu bidang pengkhususan yang bernilai tinggi dan amat dibanggakan semenjak berkurun-kurun lagi. Di negara- negara itu, sulam-menyulam, iaitu satu cara menghias dan mengindahkan kain atau pakaian atau barang-barang hiasan rumah telah mendapat perhatian utama. Bahkan di negara- negara seperti Switzerland, Perancis, Itali, Britain, dan Amerika Syarikat diadakan pula muzium sulaman khusus untuk menyimpan beraneka sulaman yang bermutu tinggi dan mahal.

4. Berikutan dengan perkembangan pesat di bidang sulam- menyulam, maka pelbagai industri dan teknologi baru yang berkaitan dengan bidang jahit-menjahit juga turut meningkat maju. Maka muncullah industri yang mengeluarkan pelbagai jenis benang, sama ada benang biasa, benang sutera, benang bulu kambing, benang perak dan benang emas. Di samping itu, maka terciptalah pula pelbagai jenis bentuk kain dan tekstil baru seperti kain renda, pita renda bahkan ribin renda yang pada mulanya dahulu dikait dengan tangan, tetapi akhirnya menjadi perusahaan besar-besaran yang dihasilkan dengan mesin.

5. Berikutan itu pula terciptalah aneka jenis mesin jahit yang boleh menjahit pelbagai jenis jahitan biasa, sulaman dan kait-mengait serta pelbagai perkakas yang digunakan dalam bidang jahit-menjahit.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

6. Dengan perkembangan dan kemajuan di bidang ini, maka bidang jahit-menjahit khususnya sulam-menyulam dan kait- mengait menjadi bidang perusahaan yang besar. Ia kini menjadi satu bidang yang mudah dan tidak membosankan lagi. Kalau di masa dahulu menjahit dianggap leceh lagi rumit, tetapi dengan teknologi baru, bidang ini menjadi serba cepat dan menyeronokkan. Bahkan ia menjadi sumber pendapatan yang menguntungkan.

Puan-puan dan tuan-tuan,

7. Di Malaysia, pada zaman dahulu, seni jahit-menjahit ini dijadikan satu pelajaran wajib bagi wanita semenjak kecil lagi, iaitu diberi perhatian yang sama berat dengan ilmu masak-memasak dan menguruskan rumahtangga. Saya berpendapat kita harus memberi perhatian kepada perkembangan seni jahit- menjahit, tenun-menun dan sulam-menyulam. Untuk itu kita perlu menimbulkan semula kesedaran dengan menitik-beratkan bidang jahit-menjahit dan sulam-menyulam. Ramai generasi moden sekarang tidak mahir bahkan tidak lagi tahu menjahit. Dewasa ini pakaian sendiri dan anak-anak yang sudah siap berjahit boleh dibeli atau ditempah di kedai atau di butik. Kain langsir dan cadar yang sudah siap juga boleh dibeli. Begitu juga dengan alas meja, saperah dan sebagainya.

8. Lama-kelamaan jika tidak diajarkan kembali, anak-anak kita akan buta huruf dalam ilmu jahit-menjahit dan sulam- menyulam. Pada tahun 50-an dulu, negeri Kedah Darulaman mempunyai sebuah sekolah tenun yang terletak di sebelah Balai Besar di Alor Star. Pelajar-pelajar sekolah ini adalah anak-anak gadis lepasan darjah enam, dan di sekolah ini mereka diajar pelbagai pengetahuan dan kemahiran di bidang jahitan dan sulaman, termasuk membuat bunga sutera, bunga baldi, tekat-menekat, menenun, membuat serta pelajaran-pelajaran urusan rumahtangga yang lain.

9. Negeri Johor Darul Takzim juga mempunyai sekolah tenun nya sendiri. Di Singapura pula dalam tahun 50-an dan 60-an terdapat Sekolah Tenaga Murni dan Geylang Craft Centre yang menitik-beratkan bidang yang sama. Pelajar-pelajarnya datang dari seluruh Malaya, Singapura dan Brunei. Mereka yang lulus daripada sekolah ini mempunyai pengetahuan luas dalam bidang fesyen dan seni reka, sulam-menyulam dan masak-memasak, sehingga ada yang membuka kedai jahitan sendiri sebagai sumber pendapatannya.

10. Waktu itu pelajaran menjahit menjadi salah satu mata pelajaran semenjak darjah tiga di sekolah rendah, tetapi kini, pelajaran jahit-menjahit hanya menjadi pilihan bagi mereka yang belajar di sekolah menengah Vokesyenal sahaja. Bahkan pelajaran jahitannya juga terhad, misalnya dalam bidang jahitan mesin, pelajar-pelajar ini tidak berkesempatan mempelajari pelbagai teknologi menjahit dan menyulam dengan mesin, sedangkan kita tahu bahawa mesin jahit kini sudahpun menggunakan komputer dan dapat pula menjahit pelbagai jenis sulaman dengan hanya menekan butang khas sahaja.

11. Saya mengesyorkan agar pelajaran jahit-menjahit ini elok dihidupkan semula dan diajar di peringkat sekolah- sekolah. Kewujudan sekolah tenun seperti yang pernah diadakan di Alor Star juga elok jika diadakan semula, tetapi yang bertaraf institut, bukan sahaja sebagai sebuah sekolah lanjutan khusus untuk pelajar-pelajar di bidang jahitan bahkan juga untuk golongan belia.

12. Semoga dengan pengetahuan ini, lulusan sekolah tersebut akan dapat membantu meningkatkan lagi perkembangan industri dan pengeluaran di bidang ini. Mereka juga boleh menjadikan bidang ini satu sumber pendapatan dengan menjual hasil jahitan dan sulaman tempatan kepada para pelancong luar, terutama menjelang Tahun Melawat Malaysia tahun depan.

13. Malaysia juga kekurangan buku khusus dalam bidang jahit-menjahit dan sulam-menyulam. Buku-buku mengenai ilmu menjahit, menyulam dan mengait boleh didapati dengan banyaknya dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Jepun, tetapi amat kurang sekali buku-buku dalam Bahasa Malaysia.

14. Selain daripada itu, oleh kerana Pertandingan Jahitan Malaysia ini diadakan setiap tahun, bahkan hingga ke peringkat ASEAN pula, maka saya berpendapat eloklah jika ilmu pengetahuan jahit-menjahit ini diberi nafas baru sejajar dengan perkembangan semasa.

15. Untuk meluaskan manfaat kepada orang ramai dan menimbulkan minat dalam bidang jahit-menjahit dan sulam- menyulam di kalangan generasi baru, maka eloklah diadakan seminar khas diikuti dengan bengkel menjahit di Malaysia, dengan menjemput penceramah-penceramah luar yang mempunyai kemahiran dalam bidang-bidang berkenaan.

16. Selain daripada itu, satu program khusus untuk ilmu jahit-menjahit dan sulam-menyulam ini elok juga diperkenalkan di televisyen. Program yang berbentuk ilmiah dan menghiburkan ini boleh diisi dengan beraneka pengetahuan. Program khusus untuk bidang jahit-menjahit dan sulam-menyulam di televisyen ini belum pernah dibuat lagi di negara kita. Belajar menjahit melalui video dan televisyen ini sudahpun dilakukan dan mendapat sambutan hebat di Amerika Syarikat. Semoga dengan itu, menjahit tidak lagi menjadi satu kegiatan yang membosankan tetapi akan diminati ramai, menyeronok dan menguntungkan.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

17. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur serta penaja Pertandingan Jahitan Malaysia 1989 yang telah menjayakan pertandingan ini. Saya berharap pertandingan jahitan ini akan

memberi galakan bukan sahaja kepada kaum wanita tetapi juga kaum lelaki di negara ini.

18. Akhir sekali saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada para pemenang Pertandingan Jahitan Malaysia 1989 ini, dan kepada yang tidak berjaya, jangan berputus asa dan diharap mencuba lagi di tahun-tahun hadapan.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.